

29  
TAHUN

Kekal No. 1 Di Pasaran!

15 OGOS 2013  
Bil: 648 RM5.00

inspirasi remaja kini

# remaja



Audit Bureau  
of Circulations



VAKSIN  
CINTA  
BUAT SANG  
ARJUNA

Watch  
Out!

PEMBERI  
HARAPAN  
PALSU

"Saya Memang  
Suka Awak!"

BERGAYA  
Laksana  
LASKAR  
10  
++ IDEA FESYEN  
CELORENG  
"Hit in town"

Sayang  
BAWA TUAH  
BUAT SHAE

WAJIB  
KE JERAT JIWA  
LELAKI?

SPERMATA  
Sampah!  
SEKALI TERSTILAP  
BUKAN SELAMANYA HINA



# Bege Tangan FOLLI FOLLIE



**KEUNGGULAN** beg tangan mencipta momen tersendiri.

**M**encetuskan ilham gaya sejati buat si gadis urban, Folli Follie sememangnya memahami keayuan wanita. Berlatarkan kepulauan Santorini, jenama popular ini mengembangkan inspirasi fesyen terkini dengan kepelbagaian aksesori beg tangan khusus buat para jelitawan sensasi. Untuk koleksi musim panas 2013 ini, mereka tampil bersama rekaan corak bergaris dan rona benderang.

ini ditujukan bagi menggambarkan semangat wanita yang sentiasa inginkan kejayaan dalam memacu kehidupan sesuai dengan ciri urban kala menyarungkannya. Antara rekaan yang bakal mencuri tumpuan ialah beg tote perincian tebuk dwiwarna, cincin, kaca mata, rantai dan pelbagai lagi aksesori hebat sehangat Folli Follie.

## RONA BERANI BIEM

**B**erjemakan 'Living Colours' BIEM kembali dengan rekaan lebih berwarna-warni sebagai koleksi terbaharu mengangkat jenama hebat mereka. Bagi jejak, koleksi kali ini menawarkan ilham retro era 60-an sebagai kemasan pada jaket berlapel khusus menghasilkan rasa berlainan buat si pemakai. Tampil dengan corak yang pelbagai, kardigan, seluar nipis dan tirus turut menjadi *signature* hangat musim ini.



**MATERIAL** *sexychiffon* dan kapas digunakan buat menonjolkan keaslian feminin dalam rekaan.

Koleksi siluet wanita pula melihat kepelbagaian juga keindahan rona klasik memonopoli rangkaian item yang dihasilkan. Menjadikan rona merah jambu, biru, hitam, putih dan coklat sebagai tema utama, butiran pada kolar, lengan dan bahu juga ditonjolkan dengan stail lebih elegan. Miliki semua rangkaian kasual BIEM ini dengan harga sekitar RM89.00 hingga RM299.90 sahaja.



**KOLEKSI** kasut dan beg dari Princess berharga dari RM79.99 sehingga RM299.99

**M**enyaksikan tema 'Pomp & Pleasure' jenama hebat ini menampilkan variasi tas tangan terkini daripada sentuhan abad ke-18 yang disertakan bersama perincian kulit rona terang, cat minyak serta juraian *tassel* yang diambil daripada olahan fabrik kulit berkualiti. Memilih warna-warna kelam seperti kelabu, krim dan coklat ibarat satu seri tatkala ia disatukan bersama tona ceria *bluebell*, *emerald*, *coral*, hijau dan *fuschia*.

Tampak sangat praktikal, tas mudah laras ini direka supaya ia mudah digayakan walaupun dengan stail bersilang. Di antara koleksinya ialah Bathurst, Seymour, Valentine dan The Courtney, sangat sesuai dipadankan bagi menambah keanggunan gayamu.



**BUKAN** suatu yang klise, beg tangan yang diinovasi ini terampil seksi.

## HAYUNAN ELEGAN ANYA HINDMARCH

# Sensasi TAS AIGNER



**RANGKAIAN** eksklusif mencipta keharmonian buat penataan harian wanita.

**B**ak pesona penuh drama, koleksi hebat jenama terkemuka ini adalah item fesyen yang wajib dimiliki musim ini. Direka khusus buat gadis lincih yang sentiasa ingin tampil berani dan elegan, mereka hadir dengan tas tangan inspirasi tema ekstravaganza 'Joie De Vivre' yang mengilhamkan stail ringkas dan *Chic*.

Tampil dengan struktur lebih moden, sentuhan terbaru ini cukup eksklusif kerana rona terang sehingga lembut dipilih membuktikan bahawa mereka cukup sensitif dengan kepelbagaian warna juga bertepatan dengan sasaran pelanggan yang menggemari

sesuatu yang berkualiti serta bijak menonjolkan sisi personaliti agar kekal abadi di dalam diri.

## TAMPIL NEON DENGAN PRINCESS

**M**eraikan musim panas 2013 ini, Princess menampilkan koleksi terbaru mereka dengan kemeriahan rona neon sebagai tarikan utama. Keterujaan ini

dilhamkan selari dengan item mereka yang lebih sinonim dengan trend ala 80-an, maka rona neon diangkat kembali buat penuhi almari gaya moden wanita kini.

Sentuhan terbaru ini terdiri daripada kasut yang mempunyai cetakan binatang seperti *peep toe*, *wedge*, *chunkyheel*, serta *slip-on sling back sandal* yang cukup bergaya. Kasut-kasut ini boleh didapati dalam pelbagai tona bercahaya seperti neon kuning, biru, merah jambu, biru elektrik, emas, dan merah. Turut ditawarkan lima kategori utama kasut iaitu Fashion, Pumps, De Confort, Deluxe dan Viani. ☺